

**KAJIAN KERELEVENAN FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN DENGAN
KURIKULUM PENDIDIKAN ISLAM POLITEKNIK KEMENTERIAN
PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

Alias Mat Saad¹
Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff²
Ruhizan Mohammad Yassin²

¹**Politeknik Port Dickson, Malaysia**

²**Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia**

Abstrak

Membangunkan sesebuah kurikulum bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan amat diperlukan supaya matlamat akhir kurikulum selari dengan citra negara. Justeru, kertas ini memerihalkan kajian kerelevan objektif Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Reka bentuk yang sesuai dengan objektif kajian ini ialah analisis dokumen. Dokumen yang dianalisis ialah dokumen Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik dan dokumen Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sebanyak 108 item yang terdapat kerelevan antara Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Untuk tujuan keesahan dan kebolehpercayaan, pekali persetujuan Kappa digunakan untuk menilai persetujuan dalam kalangan pakar. Dapatkan kajian menunjukkan terdapatnya kerelevan antara item-item objektif Pendidikan Islam Politeknik dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ini menunjukkan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik tidak tersimpang dari Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Namun beberapa cadangan dibincangkan dalam artikel ini hasil dari dapatkan kajian untuk memastikan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik memenuhi tuntutan semasa.

Katakunci: falsafah pendidikan kebangsaan, kurikulum dan pendidikan islam.

Abstract

Developing a curriculum in accordance with the National Education Philosophy is essential in that it reflects the image of the nation. This paper describes the relevance of the objectives of Islamic education of the polytechnic curriculum as to whether it is in line with the National Education Philosophy. Document analysis was found appropriate for this study. The documents analyzed were the Polytechnic Islamic education curriculum as well as the National Education Philosophy. A total of 108 items of the Islamic Education Curriculum Polytechnic were found to be relevant to the National Education Philosophy. This study used Kappa coefficient scale to assess agreement of experts on this matter. The findings show that the objectives of Islamic Education were relevant with the National Education Philosophy. Thus, major changes to the Polytechnic Islamic Education Curriculum are not necessary. Implications of this study were to ensure that the curriculum of Islamic education met current demands.

Keywords: national education philosophy, curriculum and islamic education.

PENGENALAN

Kurikulum pendidikan yang dibangunkan perlulah selaras dengan aspirasi wawasan Negara, supaya generasi yang dididik dapat memenuhi tuntutan negara pada masa depan. Kegagalan kurikulum pendidikan untuk menselaraskan objektifnya dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan akan menyebabkan generasi yang dididik memberi masalah kepada negara. Menurut Muhammad Pisol (2005) Pendidikan Islam di institusi pendidikan menjadi semakin mencabar, kerana cabaran memenuhi karakter pembangunan manusia berubah dari masa ke masa. Justeru modifikasi kepada kurikulum perlu dilaksanakan, dan pada masa yang sama Kurikulum Pendidikan perlu memenuhi aspirasi Falasafah Pendidikan Kebangsaan. Keadaan inilah yang perlu diawasi oleh Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik agar tuntutan semasa tidak akan menjelaskan kerelevannya dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Justeru permasalahan ini, kajian untuk mengenal pasti kerelevan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan perlu dilakukan demi kelangsungan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik sebagai kurikulum yang diterima pakai dalam arus pendidikan negara.

Perlaksanaan Pendidikan Islam dalam sistem Pendidikan Kebangsaan adalah berdasarkan perakuan-perakuan yang terkandung dalam Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 Akta Pelajaran 1961 dan Akta Pendidikan 1996. Perakuan-perakuan di dalam ke empat-empat ini membenarkan Pendidikan Islam diajar di mana-mana sekolah yang didaftarkan bila mana terdapat sekurang-kurangnya 15 orang muird/pelajar beragama Islam. Hasil daripada perakuan tersebut, pada peringkat awalnya mata pelajaran Agama Islam telah diajar di luar jadual waktu persekolahan di waktu petang. Sehingga tahun 1962 barulah mata pelajaran Agama Islam dimasukkan ke dalam jadual rasmi sekolah dengan peruntukan masa pengajaran dan pembelajaran sebanyak 120 minit seminggu. (Abdul Halim 1991; Abdullah, 2005; Rosnani, 2004; Zainal Abidin, 1991).

Dalam Akta Pendidikan 1996, terdapat peraturan-peraturan berkaitan kurikulum kebangsaan di sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Kurikulum Pendidikan Islam peringkat tinggi di Malaysia secara formal bermula pada tahun 1955, iaitu dengan tertubuhnya Kolej Islam Malaya (KIM) bertempat di Klang, Selangor. Pada tahun 1959, tertubuhnya pula Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera Universiti Malaya. Kerjasama yang erat antara Kolej Islam Malaya dengan Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya ini berakhir pada bulan Disember 1970 kerana Kolej Islam Malaya telah digabungkan ke dalam Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.(Abdul Halim, 1989).

Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik adalah kesinambungan dari Kurikulum Pendidikan Islam di institusi pengajian tinggi. Bagi memastikan para pelajar terus menerima ilmu pengetahuan tentang Islam, subjek Pendidikan Islam diwajibkan kepada pelajar yang memasuki Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Subjek Pendidikan Islam diwajibkan kepada pelajar dalam semua jurusan di Politeknik selama dua semester iaitu A1001 Pendidikan Islam I dan A2001 Pendidikan Islam II. Jumlah jam yang diajar dalam seminggu adalah dua jam bersamaan dengan 1.5 jam kredit.

Objektif Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik ialah seperti berikut: (a) Mengetahui konsep ilmu dan mendorong mereka mengkajinya; (b) Memahami Tasawwur Islam untuk dihayati dalam kehidupan; (c) Memahami dan menghayati konsep ibadah dalam Islam dan kehidupan harian; (d) Mengetahui dan memahami konsep dan hikmah perundangan Islam serta peranan al-Quran, as-Sunnah, Ijmak dan Qias; dan (e) Memahami konsep kekeluargaan dalam Islam serta mampu melaksanakan tanggungjawab dalam kehidupan berkeluarga.

Objektif Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik ini perlu selaras dengan pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berbunyi:

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara "

(Falsafah Pendidikan Kebangsaan) hlm: 8

Berdasarkan pernyataan falsafah ini, matlamat pendidikan Negara bolehlah dinyatakan secara ringkas sebagai usaha untuk melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan sepadu dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan yang percaya dan patuh kepada Tuhan, berilmu pengetahuan, berfikiran kreatif dan rasional, berakhhlak mulia, berketrampilan, berkeupayaan memberi sumbangan ke arah menambahkan kemakmuran masyarakat dan negara, setia kepada negara dan bertanggungjawab untuk menjaga hubungan baik dan mesra di antara insan dan memupuk perpaduan masyarakat Malaysia.

Menurut Sidek Baba (2006) ilmu dalam Islam terbentuk dalam acuan yang sepadu. Ilmu-ilmu seperti akidah, ibadah dan akhlak serta yang lainnya menjadi tunjang gandingan dengan ilmu seperti sains dan teknologi serta ilmu-ilmu kemanusiaan. Islam mengambil pendekatan yang teliti dan sepadu tentang sains. Islam tidak menentang usaha-usaha penyelidikan mendapatkan data dan fakta, menghasilkan hipotesis dan teori. Tradisi menyepakukan ilmu mendorong umat Islam untuk mengetahui apa yang mereka perhati dan saksikan dan menghubungkan fakta dan data sebagai sumber kebesaran Allah s.w.t.

OBJEKTIF KAJIAN DAN METODOLOGI

Penyelidikan ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian, iaitu adakah Kurikulum pendidikan Islam politeknik relevan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan? Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis dokumen. Dokumen-dokumen yang dianalisis dalam kajian ini ialah Objektif Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik yang terdapat dalam Dokumen Kurikulum serta Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang terdapat dalam Pukal Latihan untuk Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Setelah kedua-dua dokumen ini dianalisis, terdapat 108 item yang dapat dikenal pasti mempunyai kerelevan antara Kurikulum Pendidikan Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kesemua item-item berikut seperti yang terdapat dalam Rajah 1.

Bil	Objektif Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
1.	Mengetahui Konsep Ilmu seterusnya mendorong mereka mengkaji dan menghayatinya	1.Pendidikan suatu usaha berterusan 2.Memperkembangkan potensi individu 3.Perkembangan potensi secara menyeluruh dan bersepadu 4.Insan seimbang dan harmonis 5.Rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan 6.Rakyat Malaysia yang berketrampilan 7.Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab 8.Rakyat Malaysia yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri 9.Rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara 10.Unsur intelek
2.	Memahami Tasawwur Islam untuk dihayati dalam kehidupan	1.Insan yang seimbang dan harmonis 2.Perkembangan potensi secara menyeluruh dan bersepadu 3. Rakyat Malaysia yang berketrampilan 4. Unsur intelek 5.Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan 6.Unsur rohani 7.Unsur emosi 8.Rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan 9.Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab 10.Rakyat Malaysia yang bekeupayaan mencapai kesejahteraan diri 11.Rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara 12.Unsur jasmani
3.	Memahami konsep dan ruang lingkup ibadah dalam Islam	1.Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan 2.Unsur rohani 3.Unsur emosi 4.Unsur jasmani 5.Unsur intelek 6.Insan yang seimbang dan harmonis 7.Perkembangan potensi secara menyeluruh dan bersepadu
4.	Menghayati konsep ibadah dalam kehidupan seharian	1.Kepercayaan dan patuhan kepada Tuhan 2.Unsur rohani 3.Unsur emosi 4.Unsur jasmani 5.Unsur intelek 6.Insan yang seimbang dan harmonis 7.Rakyat Malaysia yang berakhhlak mulia 8.Rakyat Malaysia yang berketrampilan 9.Rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara 10.Perkembangan potensi secara menyeluruh dan bersepadu
		1.Kepercayaan dan kepatuhan kepada

	Mengetahui dan memahami peranan al-Quran,al_Sunnah, al-Ijmak dan Qias sebagai sumber hukum	Tuhan 2.Unsur rohani 3.Unsur emosi 4.Unsur jasmani 5.Unsur intelek 6.Insan yang seimbang dan harmonis 7.Rakyat Malaysia yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri 8.Rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara 9.Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab 10.Rakyat Malaysia yang berakhhlak Mulia 11.Perkembangan potensi secara menyeluruh dan bersepadu
5.		1.Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan 2.Unsur rohani 3.Unsur emosi 4.Unsur jasmani 5.Unsur intelek 6. Rakyat Malaysia yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri 7.Rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara 8.Rakyat Malaysia yang berakhhlak mulia 9.Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab
6.	Mengetahui konsep dan hikmah perundungan Islam	1.Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan 2.Unsur rohani 3.Unsur emosi 4.Unsur jasmani 5.Unsur intelek 6. Rakyat Malaysia yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri 7.Rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara 8.Rakyat Malaysia yang berakhhlak mulia 9.Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab
7.	Mengetahui cara pengurusan jenazah(teori dan amali)	1.Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan 2.Unsur rohani 3.Unsur emosi 4.Unsur jasmani 5.Unsur intelek 6.Perkembangan potensi secara menyeluruh dan bersepadu 7.Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab 8.Rakat Malaysia yang berakhhlak mulia 9.Rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara
8.	Melahirkan pelajar yang mempunyai jati diri Muslim dan mampu menghadapi pelbagai cabaran hidup	1.Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan 2.Unsur rohani 3.Unsur emosi 4.Unsur jasmani 5.Unsur intelek 6.Perkembangan potensi secara menyeluruh dan bersepadu 7.Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab 8.Rakyat Malaysia yang berakhhlak Mulia 9.Rakyat Malaysia yang berketrampilan 10.Rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan

		kemakmuran masyarakat dan negara
9.	Memahami konsep kekeluargaan dalam Islam	1.Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan 2.Unsur rohani 3.Unsur emosi 4.Unsur jasmani 5.Unsur intelek 6.Perkembangan potensi secara menyeluruh dan bersepadu 7.Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab 8.Rakyat Malaysia yang berakhhlak mulia 9.Rakyat Malaysia yang berketrampilan 10.Rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara
10.	Mampu melaksanakan tanggungjawab kekeluargaan dalam Islam	1.Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan 2.Unsur rohani 3.Unsur emosi 4.Unsur jasmani 5.Unsur intelek 6.Perkembangan potensi secara menyeluruh dan bersepadu 7.Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab 8.Rakyat Malaysia yang berakhhlak Mulia 9.Rakyat Malaysia yang berketrampilan 10.Rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara
11.	Mampu menangani permasalahan dalam kehidupan berkeluarga	1.Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan 2.Unsur rohani 3.Unsur emosi 4.Unsur jasmani 5.Unsur intelek 6.Perkembangan potensi secara menyeluruh dan bersepadu 7.Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab 8.Rakyat Malaysia yang berakhhlak Mulia 9.Rakyat Malaysia yang berketrampilan 10.Rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara

Jumlah keseluruhan 108 item

Rajah 1 kerelevan antara Kurikulum Pendidikan Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi mengukur kebolehpercayaan, kajian ini menggunakan indeks Cohen Kappa. Seramai tiga orang pakar dipilih untuk membuat penilaian persetujuan bagi unit data analisis dokumen. Nilai persetujuan antara pakar penilai. Pekali persetujuan Kappa bagi unit data analisis dokumen ialah 0.96. Mengikut Fleiss (1981) nilai persetujuan Kappa yang melebihi 0.75 dikira "Cemerlang"(Excellent).

PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati objektif Pendidikan Islam Politeknik adalah relevan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Ini menunjukkan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik KPTM tidak lari dari landasan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan merupakan pernyataan yang boleh dilihat sebagai pedoman, arah tuju atau pandangan-pandangan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan. Falsafah Pendidikan mengandungi kepercayaan, sistem nilai dan harapan yang akan diperolehi daripada sistem pendidikan yang dihasilkan oleh falsafah berkenaan (Alexander, Lewis, Saylor, 1981; Olivia, 1997).

Menurut Taba (1962) bagi penggubal kurikulum, mereka perlu jelas tentang hubungan yang terdapat antara elemen tersebut seperti hubungan antara objektif dengan falsafah atau falsafah dengan isi kandungan kurikulum. Adalah menjadi satu kesilapan sekiranya mereka tidak menghubung kait antara elemen tersebut kerana setiap satu elemen tersebut mempunyai maksud atau maknanya yang tersendiri.


Ilmu menurut perspektif Islam terangkum dalam dua bentuk iaitu ilmu fardhu ain dan ilmu fardhu kifayah. Ilmu fardhu ain diwajibkan ke atas setiap muslim yang akil baligh untuk mempelajari dan mengamalkannya iaitu yang berkaitan dengan akidah, syariah dan akhlak. Ilmu ini memainkan peranan untuk memperbetulkan pegangan dan keyakinan, pembawaan lahiriah manusia dan pembebasan hati dari sifat-sifat keji dan tercela. Manakala ilmu fardhu kifayah wajib dipelajari oleh masyarakat Islam secara kolektif dan bukannya sebagaimana kewajipan ke atas individu seperti fardhu ain. Ilmu fardhu kifayah diperlukan untuk kepentingan kehidupan masyarakat Islam bagi mencapai kestabilan, keselesaan dan keamanan hidup.

Berdasarkan dapatan kajian, objektif Pendidikan Islam Politeknik “Mengetahui konsep ilmu seterusnya mendorong mereka mengkaji dan menghayatinya” relevan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dari aspek “Perkembangan potensi individu secara menyeluruh”. Kepentingan ilmu pengetahuan mendapat perhatian yang sewajarnya dalam Islam. Ia merupakan asas pembinaan insan dan peradabannya. Menurut Awang Yahya (2004) manusia wajib belajar untuk mengetahui tentang segala kejadian dirinya dan alam semesta melalui ilmu yang datang dari Allah. Segala kejadian Allah yang sangat luas memerlukan kajian yang mendalam dengan menggunakan akal dan ilmu pengetahuan yang tinggi. Justeru itu, penekanan Objektif Pendidikan Islam Politeknik KPTM tentang tajuk ilmu ini bertepatan dengan apa yang disarankan oleh Al-Quran.

Dapatan kajian juga menunjukkan objektif Pendidikan Islam Politeknik “Memahami Tasawwur Islam untuk dihayati dalam kehidupan” relevan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dari aspek “percaya kepada Tuhan serta “seimbang dan harmonis”. Percaya kepada Tuhan dan patuh kepada perintahNya akan melahirkan insan yang berupaya untuk mencapai kesejahteraan diri dan akhirnya dapat memberi sumbangan kepada agama, keharmonian masyarakat dan kemakmuran negara. Justeru itu, penekanan objektif Pendidikan Islam Politeknik tentang tajuk ini dilihat perlu untuk melahirkan insan seimbang dari aspek rohani, jasmani, emosi dan intelek.

Mempunyai Tasawwur Islam yang jelas adalah sangat diperlukan kerana ia merupakan ciri-ciri untuk menjadikan seseorang insan itu seimbang dan harmonis. Percaya kepada Tuhan dan patuh kepada perintahNya akan melahirkan insan yang berupaya untuk mencapai kesejahteraan diri dan akhirnya dapat memberi sumbangan kepada agama, keharmonian masyarakat dan kemakmuran negara

Menurut Tajul Ariffin (1998) pembangunan insan yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek dilihat perlu dibangunkan seiring dengan paradigma tauhid yang dapat diintegrasikan dengan kurikulum pendidikan dan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar seperti mana yang terdapat dalam Rajah 2. Sekaligus apa yang dinyatakan dalam Objektif Pendidikan Islam Politeknik KPTM adalah selaras dengan apa yang dikehendaki oleh FPK.



Rajah 2 Model pembangunan insan berdasarkan paradigma Tauhid.

Sumber: Tajul Ariffin et.al (1998) hlm: 203.

Dapatkan kajian juga menunjukkan objektif Pendidikan Islam Politeknik “Memahami dan menghayati konsep dan ruang lingkup ibadah dalam Islam serta dalam kehidupan seharian” juga relevan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dari aspek “percaya kepada Tuhan”, “unsur rohani” dan “seimbang serta harmonis”. Justeru itu, penekanan objektif Pendidikan Islam kepada aspek ini akan melahirkan pelajar yang jiwa mereka yang sentiasa taat kepada suruhan dan perintah Allah s.w.t.

Tujuan utama manusia dijadikan oleh Allah adalah untuk mengabdikan diri atau beribadat kepada Allah. Untuk melaksanakan ibadah pula, perlu kepada ilmu supaya ibadah dapat dilaksanakan dalam keadaan yang sempurna. Ibadah tidak akan meninggalkan kesan kepada individu dan masyarakat sekiranya tidak dilaksanakan dalam kehidupan seharian. Justeru itu, untuk melahirkan masyarakat yang berakhlik mulia, seimbang dan harmonis seperti mana yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, maka ibadah adalah terasnya.

Penekanan aspek ibadah dalam kurikulum Pendidikan Islam Politeknik KPTM akan melahirkan pelajar yang sentiasa bersih, menjaga masa, menjaga peraturan serta teliti dalam melaksanakan sesuatu perkara. Keadaan ini akan dapat membina kesedaran dalaman atau batinnya supaya sentiasa mengingati Allah di mana sahaja mereka berada. Hasrat ini juga selaras dengan Objektif Pendidikan Islam Politeknik dan FPK di mana unsur rohani yang menekan adanya Pencipta dan tanggungjawab mengikuti serta melaksanakan segala ajaran agama.

Seterusnya berdasarkan dapatan kajian, objektif Pendidikan Islam Politeknik “Mengetahui dan memahami konsep dan hikmah perundangan Islam serta peranan al-Quran, as-Sunnah, al-Ijma’ dan al-Qias sebagai sumber hukum” juga relevan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dari aspek “Rakyat Malaysia yang bertanggungjawab”, “Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan” serta “Rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”. Justeru itu, penekanan kepada aspek ini akan melahirkan pelajar yang jiwa mereka terdidik dengan mematuhi peraturan dan mampu menjauhkan mereka dari melakukan perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Mengetahui dan memahami konsep dan hikmah perundangan Islam serta sumber-sumber hukumnya adalah sesuatu yang perlu kerana ia sebahagian daripada ciri-ciri kesempurnaan iman. Oleh itu, kefahaman dan pengetahuan ini akan membentuk sistem kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan serta implikasi kepada pembentukan masyarakat Malaysia yang bertanggungjawab, berakh�ak mulia serta mampu memberi sumbangan kepada kemakmuran negara selaras dengan apa yang terdapat dalam Objektif Pendidikan Islam Politeknik KPTM dan FPK.

Menurut Tajul Ariffin dan Noraini (2005) akibat daripada aktiviti-aktiviti kehidupan manusia dicemari dengan aktiviti-aktiviti yang tidak normal, manusia memerlukan sumber yang benar dan bersifat fitrah. Dalam hal ini, hanya al-Quran yang dapat menjadi paksi kehidupan kerana al-Quran adalah wahyu Allah yang benar dan bersifat fitrah. Keperluan kepada penghayatan paradigma al-Quran semakin kuat tuntutannya seperti melaksanakan ilmu wahyu (al-Quran dan as-Sunnah) dalam semua komponen pendidikan. Oleh itu, penekanan Objektif Pendidikan Islam Politeknik KPTM kepada aspek al-Quran sebagai sumber hukum selari dengan FPK yang mahu melahirkan masyarakat Malaysia yang berupaya mencapai kesejahteraan diri dan dapat memberi sumbangan kepada keharmonian masyarakat dan negara.

Kajian juga mendapati objektif kurikulum Pendidikan Islam Politeknik, iaitu “Memahami konsep kekeluargaan dalam Islam serta mampu melaksanakan tanggungjawab dan menangani permasalahan dalam kehidupan berkeluarga” relevan dengan elemen Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu antaranya elemen “Rakyat Malaysia berakh�ak mulia dan bertanggungjawab” dan “Rakyat Malaysia yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara”. Oleh itu, penekanan kepada objektif ini akan melahirkan pelajar yang faham tentang proses pembentukan sesebuah keluarga seperti mana yang dikehendaki oleh Islam.

Pembentukan sesebuah negara dan masyarakat bermula dari pembentukan sebuah keluarga. Untuk menjamin sesebuah keluarga itu terbentuk dengan sihat dan mulia ianya hendaklah dibentuk atas dasar kekeluargaan yang baik mengikut landasan dan aturan yang ditetapkan oleh Islam. Justeru itu bertepatan dengan apa yang terdapat dalam Objektif Pendidikan Islam Politeknik iaitu keperluan untuk pelajar memahami konsep pembentukan keluarga dan menangani permasalahan dalam kehidupan berkeluarga. Perkara yang sama juga terdapat dalam FPK yang mahu melahirkan rakyat Malaysia yang berketrampilan dan berakh�ak mulia.

Kegagalan mengurus keluarga dengan baik akan mengundang pelbagai masalah seperti gejala kerosakan akhlak dan pelbagai masalah sosial dalam masyarakat. Kebijaksanaan ibu bapa dalam menangani masalah ini akan membolehkan keluarga yang dibina mampu bertahan dengan mengekalkan nilai dan pegangan akidah yang mantap kepada anak-anak mereka. Oleh itu, Islam telah menggariskan beberapa strategi yang perlu diikuti untuk membolehkan ibu bapa menangani permasalahan yang bakal ditempuhi ketika menguruskan keluarga.

RUMUSAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Kajian menunjukkan terdapatnya kerelevan objektif Pendidikan Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penulis mencari kerelevan objektif Pendidikan Islam dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan kerana sesuatu subjek yang ditawarkan kepada pelajar perlu mempunyai pengalaman pembelajaran yang terarah serta dapat membantu mereka berdepan dengan keadaan masyarakat sebenar. Kajian menunjukkan objektif Pendidikan Islam Politeknik KPTM mempunyai ciri-ciri seperti yang dikehendaki oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu ilmu pengetahuan, ketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Menurut Power (1982) kerelevan ilmu itu ialah ilmu pengetahuan yang bermakna yang boleh diamalkan dan boleh memberi signifikannya kepada kehidupan. Oleh itu, kepada mereka yang terlibat dalam membangunkan sesuatu kurikulum ataupun modul untuk pelajar, kewajaran melihat kerelevan ilmu itu perlu dibuat supaya hasil daripada kurikulum ataupun modul itu mampu untuk membolehkan seseorang pelajar itu menghadapi cabaran sebenar dalam masyarakatnya. Selaras dengan apa yang dinyatakan oleh Pratt (1980) sesuatu kurikulum perlu mempunyai ilmu di dalamnya, mampu untuk melatih minda dan boleh menyediakan pelajarnya keupayaan untuk menyumbang kepada sektor pekerjaan.

Selain itu juga, kerelevan sesuatu objektif pendidikan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan diperlukan kerana ia berguna dalam menentukan perancangan dan perkembangan pendidikan. Menurut Ishak (2005) berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan kita boleh mencadangkan matlamat pendidikan, merancang objektif dan aktiviti sesebuah institusi pendidikan, mencadangkan teori-teori pembelajaran yang akan digunakan serta membuat strategi bagi proses menggubal sesebuah kurikulum agar relevan dengan kehendak semasa.

PENUTUP

Kerelevan kurikulum pendidikan Islam politeknik dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan menunjukkan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik merupakan satu manifestasi bahawa proses implementasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan sedang berjalan di Politeknik-Politeknik Malaysia. Justeru, kesemua elemen-elemen penting yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan sememangnya telah diberi penekanan yang sewajarnya dalam kurikulum Pendidikan Islam Politeknik. Dengan kata lain, matlamat kurikulum Pendidikan Islam Politeknik adalah menuju kepada aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*, K.Lumpur: Darul Fikir.
- Abdullah Muhammad Zin, Zulkiplie Abd. Ghani, & Abdul Ghafar Hj.Don. 2005. *Pendidikan Islam di Malaysia: dari Pondok ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim El-Muhammady. 1991. *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidikan*. Selangor: Dewan Pustaka Salam.
- Awang Yahya Hj. Ibrahim. 2004. *Ilmu Pengetahuan dan Tujuan Pendidikan Mengikut Pandangan Islam*. Brunei: Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

- Creswell, J.W. 2005. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Fleiss, J.L. 1981. *Statistical methods for rates and proportions*. New York: Wiley. Ishak Ramly. 2005. *Inilah kurikulum sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1992. *Pukal Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah*. K. Lumpur: DBP.
- Muhammad Pisol Mat Isa & Fakhrul din Hashim. 2005. Pendidikan Islam dalam arus moden : Kajian cadangan pendekatan pengajian akidah kepada pelajar kejuruteraan. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 4* Pendidikan islam ke arah kemanusiaan sejagat. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm 65-72.
- Olivia, P.F. 1997. *Developing the Curriculum*. 4th ed: Addison Wesley Longman, Inc.
- Pratt, D. 1980. *Curriculum Design and Development*. New York: Harcourt Brace Jovanovich Inc.
- Power, E.J. 1982. *Philosophy of education: Studies in philosophy schooling and educational policies*. New Jersey: Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.
- Rosnani Hashim. 2004. *Educational Dualism In Malaysia: Implications for theory and practice*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Robson, C. 1998. *Real World Research*. UK: Blackwell Publishers Ltd.
- Saylor, J.G. Alexander W.M, Lewis A.J. 1981. *Curriculum Planning for Better Teaching and Learning*. Tokyo: Holt-Saunders Japan.
- Suzalie Mohamed. 2003. *Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Sidek Baba. 2006. Pendidikan Islam dan permasalahan epistemologi. *Seminar Tajdid Pemikiran Islam ke-2*. Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM), hlm 1-17.
- Taba, H. 1962. *Curriculum Development: Theory and Practice*. New York: Harcourt, Brace & World Inc.
- Tajul Ariffin Noordin, Mohd Arif Ismail, Shahrin Awaludin, Kamarulzaman Abdul Ghani, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 1998. Satu pendekatan untuk memahami pembangunan manusia berasaskan paradigma tauhid. *Projek Penyelidikan G5/98*. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor 'Aini Dan. 2005. Memimpin kemanusiaan sejagat berpaksi paradigma al-Quran. (pnyt.): Kamarulzaman Abdul Ghani. *Pendidikan Islam Ke arah Kemanusiaan Sejagat*. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 1-6.
- Tam Yeow Kwai. 1999. Pengaruh persekitaran terhadap perkembangan guru ke arah kecemerlangan. Tesis Dr.Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zainal Abidin Abd Kadir. 1991. Reformasi pendidikan Islam di sekolah: Matlamat dan harapan. In *Bengkel Pendidikan Islam Malaysia. Pendidikan Islam Tahun 2000*, hlm 2- 25.
- Zahrah Mokhtar. 2002. Amalan pengurusan pentadbir akademik universiti:Satu kajian kes. Tesis Dr.Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zamri Mahamod, 2004. Strategi pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan pelajar Melayu Sekolah Menengah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Corresponding author: aliasmfj@yahoo.com